

## Ninja Van Goes the Extra Mile with Google Cloud to Fulfill Vision of Tech-Enabled, End-to-End Logistics Management for Businesses in Southeast Asia

*Extended collaboration will support Ninja Van's strategy for secure and sustainable expansion, while maximizing the potential of its technology talent*

**Singapore, February 24, 2022** – [Ninja Van](#), Southeast Asia's leading logistics provider, is extending its multi-year collaboration with [Google Cloud](#) to help businesses of all sizes seize digital growth opportunities and overcome supply chain disruptions. By running its platform and applications on Google Cloud's scalable, secure and open-source infrastructure, Ninja Van aims to strengthen its leadership in [last-mile courier services](#) and expand upstream into supply chain management solutions.



Backed by the likes of Europe's largest parcel delivery network GeoPost / DPDgroup and global investment firm B Capital, Ninja Van has operations in Singapore, Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam, and the Philippines. It is now the trusted delivery partner for close to two million businesses and handles around two million parcels daily across Southeast Asia. To facilitate onshore or nearshore production and distribution for businesses in the region, Ninja Van recently launched [Ninja Direct](#), a procurement concierge that offers services like supplier sourcing and management, customs clearance, financing, and shipments tracking.

“Retailers have shifted toward e-commerce strategies as opposed to selling through physical stores, especially with the pandemic forcing consumers to shop online more than ever before. With disruptions to the traditional flow of raw materials and finished goods, there's also an urgent need for adaptive micro supply chains that allow businesses to ‘make where they sell’ and fulfill orders quicker,” said **Shaun**

**Chong, Co-Founder and Chief Technology Officer, Ninja Van.** “We chose Google Cloud because of its proven ability to help us scale reliably and innovate at high velocity, as we address the region’s end-to-end logistics management needs.”

## Freeing Up Talent to Drive Innovation and Impact

Ninja Van consistently evaluates whether it is making efficient use of its technical talent. This means determining how the cloud can empower its 150 engineers, developers and data scientists to build products that add value to the business, instead of spending time managing complex IT infrastructure.



With Google’s open cloud approach, Ninja Van’s technical teams are free to choose the tools they need to accelerate software development and scale more efficiently – while also reducing technology risk. For instance, by using Google Cloud’s open-source data processing platform – which integrates seamlessly with its data scientists’ preferred external data visualization tools, Ninja Van’s teams can comfortably process terabytes of data daily to support the company’s business needs.

To create its [NinjaChat chatbot](#) and simulate the quality and immediacy of in-person interactions, Ninja Van’s developers turned to Google Cloud’s [open-source and pre-built virtual agents](#) to bring the feature to life in a month, rather than spend three months building a machine learning framework from scratch.

“From a chatbot that enhances customer experiences to algorithms for fuel-saving route optimization – these are amongst the hundreds of new features released by Ninja Van each day. By automating application deployment and upgrades using [Google Kubernetes Engine \(GKE\)](#), our technical teams can

avoid engaging in manual backend configurations and stay laser-focused on innovation,” said Chong.

“We’re actively hiring to bolster our technology teams in the region. Once we have the talent in the door, it makes zero sense to have them recreate code that exists and is ready-to-use, or manually select servers with the right vCPUs or RAM to deploy each application. We appreciate that Google Cloud puts open-source at the center of its solutions, while GKE does a great job at making sure things happen automatically. These allow us to avoid lock-in, reduce costs and truly give our in-house talent the ability to make more meaningful contributions to the business,” added Chong.

## Security and Zero Downtime to Enable 24/7 Operations

According to a [study by Google, Temasek, and Bain & Company](#), Southeast Asia’s e-commerce gross merchandise value was projected to have doubled in 2021 to exceed US\$120 billion and is expected to reach US\$234 billion by 2025. As Ninja Van continues to help retailers compete in this fast-growing market and expand its services upstream, reliability and data protection remain top priorities.

The demand for Ninja Van’s services have grown by three times during the pandemic. Whether it is preparing for major online sales events like Singles' Day, responding to sudden surges in demand because of merchants running ad hoc campaigns, or making thousands of software upgrades each year, Google Cloud’s dynamic autoscaling capabilities enable Ninja Van’s website and mobile applications to handle 10 times the normal traffic with a smooth user experience, before scaling down to reduce costs when additional computing resources are no longer needed.



“Having benefited from security solutions that are designed by default into Google Cloud’s infrastructure, such as end-to-end encryption and automated patching against vulnerabilities like



Apache Log4j 2, we will now work with Google Cloud's security specialists on additional ways to reinforce our zero trust security model," said Chong.

"Technology is the bedrock of Ninja Van's 24/7 operations, so zero downtime is critical for avoiding delivery delays or backlogs. Security has also always been a top priority, but as our brand becomes more visible and we connect with more third-parties after expanding upstream, we're making a deliberate effort to strengthen how we protect our customers' data. Whether it's ensuring uptime or preserving customer trust, the team at Google Cloud have been true partners in addressing our pain points. Our extended relationship will see Ninja Van run all our workloads on Google Cloud, as the team continues to play a key role in our next phase of growth," added Chong.

"We're proud to have played a part in Ninja Van becoming a leading end-to-end logistics management provider and one of the most admired technology unicorns," said **Ruma Balasubramanian, Managing Director, Southeast Asia, Google Cloud**. "By investing in world-class talent and relentless innovation, the company is well-positioned to deliver the just-in-time production and distribution capabilities that businesses need to satisfy contemporary consumers' desire for product variety and immediacy. Google Cloud will continue to uphold our high standards in reliability, collaboration, openness and security, as we support Ninja Van's vision of connecting Southeast Asia to a world of commerce possibilities."

###

### **About Google Cloud**

Google Cloud accelerates organizations' ability to digitally transform their business. We deliver enterprise-grade solutions that leverage Google's cutting-edge technology – all on the cleanest cloud in the industry. Customers in more than 200 countries and territories turn to Google Cloud as their trusted partner to enable growth and solve their most critical business problems.

### **About Ninja Van**

Ninja Van is a leading tech-enabled express logistics company providing supply chain solutions for businesses of all sizes across Southeast Asia. Launched in 2014, Ninja Van started operations in Singapore as a last-mile logistics company. Since then, it has become one of the region's fastest-growing tech logistics companies, powering businesses with innovative solutions that optimize e-commerce opportunities. Today, Ninja Van has grown its network to cover six countries: Singapore, Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam, and the Philippines. For more information, visit [www.ninjavan.co](http://www.ninjavan.co).

### **Media Contact**

Nicholas Tan

Head of Communications, Southeast Asia, Google Cloud

E: [nicholastan@google.com](mailto:nicholastan@google.com) / [press@google.com](mailto:press@google.com)

M: +65 9663 8358

## Ninja Van memenuhi visi pengurusan logistik hujung-ke-hujung yang didayakan teknologi untuk perniagaan di Asia Tenggara bersama Google Cloud

*Kerjasama yang dilanjutkan ini akan menyokong strategi Ninja Van untuk pengembangan yang selamat dan mampan, sambil memaksimumkan potensi bakat teknologinya*

**Singapura, 24 Februari, 2022** – [Ninja Van](#), penyedia perkhidmatan logistik terkemuka di Asia Tenggara, melanjutkan kerjasama berbilang tahunnya bersama [Google Cloud](#) untuk membantu para perniagaan pelbagai saiz merebut peluang pertumbuhan digital dan mengatasi gangguan rantaian bekalan. Dengan menjalankan platform dan aplikasinya di infrastruktur sumber terbuka Google Cloud yang berskala dan selamat, Ninja Van berhasrat untuk mengukuhkan kepimpinannya dalam [perkhidmatan kurier mil terakhir](#) dan berkembang ke dalam penyelesaian pengurusan rantaian bekalan.



Disokong oleh rangkaian penghantaran bungkusan terbesar Eropah, Geopost / DPDGroup dan firma pelaburan global B Capital, Ninja Van mempunyai operasi di Singapura, Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam, dan Filipina. Ia kini merupakan rakan kongsi penghantaran yang dipercayai untuk hampir dua juta perniagaan dan mengendalikan kira-kira dua juta bungkusan setiap hari di seluruh Asia Tenggara. Untuk memudahkan pengeluaran dan pengedaran 'onshore' dan 'nearshore' untuk perniagaan di rantau ini, Ninja Van baru-baru ini melancarkan [Ninja Direct](#), sebuah 'concierge' perolehan yang menawarkan perkhidmatan seperti pencarian dan pengurusan pembekal, pelepasan kastam, pembiayaan, dan penjejakan penghantaran.

"Para peruncit telah beralih ke arah strategi e-dagang berbanding dengan menjual melalui kedai fizikal, terutamanya disebabkan pandemik yang memaksa para pengguna untuk membeli-belah dalam talian

lebih dari sebelumnya. Dengan gangguan kepada aliran bahan mentah tradisional dan barangan siap, terdapat juga keperluan segera untuk rantai bekalan mikro adaptif yang membolehkan perniagaan 'membuat di mana mereka menjual' dan memenuhi pesanan dengan lebih cepat," kata **Shaun Chong, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Teknologi, Ninja Van**. "Kami memilih Google Cloud kerana keupayaannya yang terbukti untuk membantu kami skala dan berinovasi pada kelajuan tinggi, sambil kami menangani keperluan pengurusan logistik hujung-ke-hujung rantau ini."

## Membebaskan Bakat untuk Memacu Inovasi dan Impak

Ninja Van menilai secara konsisten sama ada ia memanfaatkan bakat teknikalnya. Ini bermakna menentukan bagaimana awanan dapat memperkasakan 150 jurutera, pemaju dan saintis data untuk membina produk yang menambah nilai kepada perniagaan, dan bukannya menghabiskan masa menguruskan infrastruktur IT yang kompleks.



Dengan pendekatan awanan terbuka Google, pasukan teknikal Ninja Van bebas memilih alat yang mereka perlukan untuk mempercepatkan pembangunan perisian dan skala dengan lebih cekap - sambil mengurangkan risiko teknologi. Sebagai contoh, dengan menggunakan [platform pemrosesan data sumber terbuka](#) Google Cloud - yang berintegrasi dengan alat visualisasi data yang disukai oleh saintis data tanpa masalah, pasukan Ninja Van dapat memproses terabyte demi terabyte data setiap hari dengan mudah untuk menyokong keperluan perniagaan syarikat.

Untuk mencipta [chatbot NinjaChat](#) dan mensimulasikan kualiti dan kemesraan interaksi bersemuka, pemaju Ninja Van beralih kepada [ejen-ejen maya sumber terbuka Google Cloud yang siap dibina](#) untuk



menghidupkan ciri tersebut dalam masa sebulan, dan bukannya menghabiskan tiga bulan membina sebuah rangka kerja pembelajaran mesin dari awal.

"Dari chatbot yang meningkatkan pengalaman pelanggan ke algoritma untuk pengoptimuman laluan penjimatan bahan api - ini adalah antara ratusan ciri baru yang dikeluarkan oleh Ninja Van setiap hari. Dengan mengautomatiskan penggunaan dan penaiktarafan aplikasi menggunakan [Google Kubernetes Engine \(GKE\)](#), pasukan teknikal kami boleh mengelakkan penglibatan dalam konfigurasi 'backend' manual dan menumpukan sepenuhnya kepada peninovasian," kata Chong.

"Kami secara aktifnya mengambil bakat baru untuk mengukuhkan pasukan teknologi kami di rantau ini. Sebaik sahaja kami mempunyai bakat yang diperlukan, ia tidak masuk akal untuk mereka mencipta semula kod yang sudah wujud dan sedia untuk digunakan, atau memilih pelayan dengan VCPU atau RAM yang betul secara manual untuk menggunakan setiap aplikasi. Kami menghargai bagaimana Google Cloud mengutamakan sumber terbuka dalam penyelesaiannya, sementara GKE melakukan kerja yang hebat untuk memastikan perkara ini berlaku secara automatik. Ini membolehkan kami untuk mengelakkan 'lock-in', mengurangkan kos dan benar-benar memberi bakat kami keupayaan untuk membuat sumbangan yang lebih bermakna kepada perniagaan," tambah Chong.

### **Keselamatan dan Sifar Waktu Henti untuk Membolehkan Operasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu**

Menurut [kajian oleh Google, Temasek, dan Bain & Company](#), nilai barangan kasar e-dagang Asia Tenggara dijangka meningkat dua kali ganda pada tahun 2021 untuk melebihi AS\$ 120 bilion dan dijangka mencapai AS\$ 234 bilion menjelang 2025. Oleh kerana Ninja Van terus membantu para peruncit bersaing dalam pasaran yang berkembang pesat ini dan mengembangkan perkhidmatannya, kebolehpercayaan dan perlindungan data terus menjadi keutamaan.

Permintaan untuk perkhidmatan Ninja Van telah berkembang sebanyak tiga kali semasa pandemik. Sama ada ia persediaan untuk acara jualan dalam talian yang besar seperti Singles' Day, bertindak balas terhadap lonjakan secara tiba-tiba dalam permintaan kerana para peniaga menjalankan kempen ad hoc, atau membuat ribuan penaiktarafan perisian setiap tahun, keupayaan penskalaan automatik Google Cloud yang dinamik membolehkan laman web dan aplikasi mudah alih Ninja Van untuk mengendalikan 10 kali ganda jumlah trafik biasa dengan pengalaman pengguna yang lancar, sebelum menskala kembali ke keadaan sebelumnya untuk mengurangkan kos apabila sumber pengkomputeran tambahan tidak lagi diperlukan.



"Setelah mendapat manfaat daripada penyelesaian keselamatan yang direka bentuk secara lalai ke dalam infrastruktur Google Cloud, seperti penyulitan hujung-ke-hujung dan 'patching' automatik untuk menangani kelemahan seperti Apache Log4j 2, kami kini akan bekerjasama dengan pakar keselamatan Google Cloud untuk memikirkan cara tambahan untuk mengukuhkan model keselamatan 'zero trust' kami," kata Chong.

"Teknologi merupakan asas operasi Ninja Van - 24 jam sehari, 7 hari seminggu - jadi sifar waktu henti adalah penting untuk mengelakkan kelewatan penghantaran atau 'backlog'. Keselamatan juga sentiasa menjadi keutamaan, tetapi dengan lebih ramai yang mengenali jenama kami dan lebih ramai pihak ketiga yang berhubung bersama kami selepas berkembang, kami sedang berusaha untuk mengukuhkan cara kami melindungi data pelanggan kami. Sama ada ia memanjangkan waktu operasi atau memelihara kepercayaan pelanggan, pasukan di Google Cloud telah menjadi rakan kongsi yang rapat dalam menangani masalah-masalah kami. Hubungan berterusan kami akan menyaksikan Ninja Van menjalankan semua beban kerja kami di Google Cloud, dengan bantuan pasukan Google Cloud yang terus memainkan peranan penting dalam pertumbuhan fasa seterusnya," tambah Chong.

"Kami berbangga untuk memainkan peranan dalam perjalanan Ninja Van untuk menjadi pembekal pengurusan logistik yang terkemuka dan juga salah satu daripada syarikat 'unicorn' teknologi yang paling dikagumi," kata **Ruma Balasubramanian, Pengarah Urusan, Asia Tenggara, Google Cloud**. "Dengan melabur dalam bakat bertaraf dunia dan inovasi yang berterusan, syarikat tersebut berada dalam kedudukan yang baik untuk menyampaikan keupayaan pengeluaran dan pengedaran tepat pada masa yang diperlukan oleh para perniagaan untuk memenuhi keinginan para pengguna kontemporari untuk kepelbagaian produk dan kesegeraan. Google Cloud akan terus menegakkan piawai kami yang tinggi dalam kebolehpercayaan, kerjasama, keterbukaan dan keselamatan, sepanjang kami menyokong visi Ninja Van untuk menghubungkan Asia Tenggara kepada potensi yang dibawa dunia perdagangan."





###

### **Mengenai Google Cloud**

Google Cloud memacu keupayaan organisasi untuk mengubah perniagaan mereka secara digital. Kami menawarkan penyelesaian gred perusahaan yang memanfaatkan teknologi canggih Google - semuanya di awanan terbersih dalam industri. Pelanggan di lebih daripada 200 negara dan wilayah beralih ke Google Cloud sebagai rakan kongsi mereka yang dipercayai untuk membolehkan pertumbuhan dan menyelesaikan masalah perniagaan mereka yang paling kritikal.

### **Mengenai Ninja Van**

Ninja Van adalah syarikat logistik ekspres disokong teknologi yang menyediakan penyelesaian rangkaian bekalan untuk perniagaan pelbagai saiz di seluruh Asia Tenggara. Dilancarkan pada tahun 2014, Ninja Van memulakan operasi di Singapura sebagai syarikat logistik mil terakhir. Sejak itu, ia telah menjadi salah satu syarikat logistik teknologi yang paling pesat berkembang di rantau ini, menguasai perniagaan dengan penyelesaian inovatif yang mengoptimumkan peluang e-dagang. Hari ini, Ninja Van telah mengembangkan rangkaianannya untuk merangkumi enam negara: Singapura, Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam, dan Filipina. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ninjavan.co](http://www.ninjavan.co).

### **Hubungan Media**

Nicholas Tan

Ketua Communications, Asia Tenggara, Google Cloud

Emel: [nicholastan@google.com](mailto:nicholastan@google.com) / [press@google.com](mailto:press@google.com)

Telefon: +65 9663 8358